

06 AUG 2001

ARROYO-FORUM

ARROYO AKAN BERUCAP DI FORUM PERNIAGAAN MALAYSIA-FILIPINA

KUALA LUMPUR, 6 Ogos (Bernama) -- Lebih 300 ahli perniagaan Malaysia dan Filipina dijangka menghadiri forum Perniagaan Malaysia-Filipina, Rabu depan yang bertujuan meningkatkan kerjasama perniagaan antara kedua-dua negara.

Presiden Filipina Gloria Macapagal Arroyo akan menyampaikan ucapan dasar pada forum berkenaan, demikian menurut Institut Strategi dan Kepimpinan Asia (ASLI) di sini hari ini.

Arroyo akan tiba esok untuk lawatan negara selama tiga hari.

Semasa forum berkenaan, beberapa pembentangan peringkat menteri akan dibuat oleh Setiausaha-setiausaha Kabinet Filipina bagi perdagangan dan pelaburan, agro-perniagaan, logistik dan infrastruktur/teknologi komunikasi dan Mindanao.

ASLI juga mengumumkan yang Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir akan menyampaikan ucapan dasar pada persidangan kebangsaan mengenai Dasar Wawasan Negara (DWN), Rancangan Malaysia Kelapan dan Penswastan pada 27 Ogos, 2001.

Perdana Menteri juga akan mengadakan sesi dialog dengan para peserta pada persidangan selama dua hari itu.

Persidangan itu akan menyediakan ahli perniagaan, pelabur asing, penganalisis pelaburan dan penyelidik akademik dengan maklumat dan penjelasan mengenai aspek-aspek utama dalam RMK8 dan DWN.

Ia juga membolehkan golongan perniagaan untuk mengemaskini mengenai strategi kerajaan bagi penswastan serta menilai pencapaian dan hasil program penswastan negara. -- BERNAMA

MAD SD NHD